

BAB 3

METODOLOGI

Pengenalan

Satu kajian telah dijalankan untuk melihat mod pembelajaran yang gemar digunakan oleh pelajar pendidikan jarak jauh. Pandangan pelajar, kelebihan serta dorongan dan halangan yang dihadapi dalam penggunaan satu-satu mod pembelajaran dan faktor-faktor yang berkaitan turut dikaji. Kajian ini dijalankan di sebuah institusi pendidikan jarak jauh iaitu METEOR Distance Learning Sdn. Bhd.

Kaedah Penyelidikan

Penyelidikan ini dijalankan dengan menggunakan kaedah penyelidikan tinjauan (survey method of research).

Pembolehubah Kajian

Kajian ini merangkumi dua jenis pembolehubah iaitu pembolehubah bersandar dan pembolehubah tak bersandar. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini ialah mod yang digemari, dorongan dan halangan dalam penggunaan mod pembelajaran. Pembolehubah tak bersandar pula ialah jantina, umur, pengalaman menggunakan komputer dan kekerapan menggunakan satu-satu mod.

Sampel Kajian

Latar belakang sampel

Kajian ini telah dijalankan di METEOR Distance Learning Sdn.Bhd.(MDLSB), sebuah badan profesional yang telah ditubuhkan oleh 11 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tempatan pada 14 November 1998. MDLSB terletak di Taman Teknologi Malaysia (TPM) yang bertujuan memberi peluang kepada usahawan teknologi untuk menjalankan kegiatan mereka di sebuah tempat yang strategik. Ini bermakna METEOR juga terletak di dalam koridor raya multimedia yang diterokai oleh kerajaan untuk menjalankan aktiviti yang berdasarkan teknologi maklumat kerana salah satu daripada aspirasi METEOR adalah untuk menjalankan aktiviti mereka dengan menggunakan kaedah teknologi maklumat.

Antara tugas utama MDLSB ialah mengambil alih pentadbiran dan pengurusan Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) yang ditawarkan oleh IPTA tempatan. Adalah dijangkakan dalam tempoh tiga tahun yang akan datang semua program PJJ yang ditawarkan oleh IPTA akan ditadbir dan diurus oleh MDLSB. Dengan ini diharapkan kualiti perkhidmatan dan pendidikan jarak jauh dapat dipertingkatkan. Kini, MDLSB terus melangkah maju ke arah merealisasikan penubuhan Universiti Terbuka Malaysia (UNITEM).

Program PJJ oleh MDLSB menawarkan satu kaedah pengajian tinggi yang canggih, menggunakan teknologi terkini, berkualiti dengan kos yang berpatutan, menyediakan empat mod pembelajaran yang utama iaitu modul bercetak, sidang video, pertemuan bersemuka dan papan perbincangan Internet. Disamping itu pelajar juga menggunakan mel elektronik untuk membantu dalam proses pembelajaran mereka.

Pelajar dibekalkan dengan modul bercetak dari masa ke semasa sebagai bahan pembelajaran yang utama. Sebagai tambahan pelajar akan mengikuti sesi sidang video yang dijalankan di Studio Telekom di pusat-pusat wilayah Ipoh, Johor Bahru, Kota Kinabalu, Kuching, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Sesi sidang video ini dijalankan serentak di semua pusat wilayah. Papan Perbincangan Internet pula merupakan tempat perbincangan pelajar dan pensyarah di mana pensyarah dapat mengemukakan soalan untuk mendapatkan penyertaan dari pelajar dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi. Mod pertemuan bersemuka diadakan sekali sekala sebagai mengukuhkan proses pembelajaran kerana mod ini membolehkan pelajar berjumpa dengan pensyarah untuk berbincang tentang topik-topik yang tidak difahami.

Pemilihan sampel

Seramai 105 pelajar yang mengikuti kursus Kejuruteraan Elektrik yang ditawarkan hasil kerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia telah dipilih untuk menjawab soal selidik ini. Pelajar ini terdiri dari pelbagai bangsa, jantina dan tempat tinggal. MDLSB telah dipilih untuk kajian ini kerana beberapa sebab:

- a) MDLSB merupakan institusi pendidikan jarak jauh yang mempunyai kedua-kedua kombinasi mod pembelajaran konvensional dan mod yang berdasarkan teknologi terkini. Bahan bercetak dan pertemuan bersemuka merupakan mod konvensional manakala mel elektronik, sidang video dan papan perbincangan Internet adalah mod yang lebih terkini. Faktor ini membolehkan pandangan pelajar tentang mod-mod yang berlainan dapat diperoleh kerana mereka biasa menggunakan kesemua mod ini.

- b) Pengkaji telah mengambil keputusan untuk menjalankan kajian di MDLSB kerana institusi ini masih baru dan belum terdapat lagi sebarang kajian yang pernah dijalankan mengenai mod pembelajaran di institusi ini. Oleh kerana MDLSB bakal merealisasikan penubuhan Universiti Terbuka Malaysia maka diharapkan kajian ini dapat membantu sedikit sebanyak menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah dalam bentuk soal selidik. Soal selidik ini dibahagikan kepada 7 bahagian yang terdiri daripada 47 item kesemuanya. Item-item dalam soal selidik ini adalah berbentuk mengisi tempat kosong, aneka pilihan dan skala Likert.

Bahagian A terdiri daripada 4 item yang merujuk kepada latar belakang responden. Ini termasuklah umur dan pengalaman dalam kemahiran penggunaan komputer. Markah bagi kemahiran penggunaan komputer diberikan berdasarkan kepada pilihan iaitu, 3 markah diberikan kepada pilihan sangat mahir, 2 markah kepada pilihan sederhana mahir dan 1 markah kepada tidak mahir.

Bahagian B merujuk kepada mod pembelajaran yang pernah responden gunakan sebelum mengikuti kursus pendidikan jarak jauh (item 1). Responden juga diminta menandakan mod pembelajaran yang mereka gunakan dalam kursus Kejuruteraan Elektrik yang mereka ikuti (item 2). Berdasarkan mod yang digunakan responden diminta menandakan 3 mod yang paling mereka gemar. Skala Likert digunakan mengikut urutan tidak gemar, gemar dan sangat gemar (item 3). Markah diberikan berdasarkan kepada

pilihan iaitu, 3 markah diberikan kepada pilihan sangat gemar, 2 markah kepada pilihan gemar dan 1 markah kepada mereka yang tidak gemar. Kekerapan responden menggunakan satu-satu mod pembelajaran (item 4) juga disoal. Selain itu, responden juga diminta menandakan samada mereka lebih selesa menggunakan satu mod atau kombinasi beberapa mod (item 5).

Bahagian C adalah tentang pandangan pelajar terhadap mod yang digunakan. Bahagian ini mengandungi 10 item yang merupakan faktor-faktor yang mendorong responden menggunakan satu-satu mod pembelajaran. Responden diminta menandakan mengikut kesesuaian pernyataan terhadap 4 mod yang utama iaitu pertemuan bersemuka, modul, sidang video dan mel elektronik berserta papan perbincangan Internet. Item-item yang disoal termasuk pandangan responden iaitu samada mereka selesa, seronok dan konfiden (item 1 - 3). Responden juga diminta menandakan mod yang paling berkesan (item 4). Dari segi faktor-faktor yang menggalakkan responden menggunakan satu-satu mod, responden diminta menandakan mod yang tidak menjemukan (item 5) dan mod yang menjimatkan masa (item 6). Responden juga disoal mengenai cara penyampaian iaitu kebolehan satu-satu mod menyampaikan pengajaran dengan baik (item 7). Faktor-faktor yang menggalakkan pembelajaran seperti mod yang memberi motivasi (item 8), memberi rangsangan (item 9) dan mod yang meningkatkan kecekapan dalam teknologi terkini (item 10) turut disoal.

Bahagian D, E, F dan G terdiri daripada 7 item tiap-tiap satu yang melihat faktor-faktor yang menghalang responden menggunakan satu-satu mod pembelajaran. Skala Likert yang melihat tahap persetujuan digunakan. Responden dikehendaki membulatkan pernyataan berdasarkan skala 1 = sangat tidak bersetuju, 2 = tidak bersetuju, 3 = setuju

dan 4 = sangat bersetuju. Markah diberikan berdasarkan kepada pilihan iaitu, 4 markah diberikan kepada pilihan sangat setuju, 3 markah kepada pilihan setuju, 2 markah kepada pilihan tidak setuju dan 1 markah kepada pilihan sangat tidak bersetuju.

Bahagian D terdiri daripada pernyataan-pernyataan yang berkaitan dengan mod pertemuan bersemuka. Antara item-item yang ditanya adalah tentang kadar kemajuan atau ‘pace’ (item 1), samada responden segan dan malu bertanya kerana takut ditertawakan (item 2) dan peluang bertanya pada pensyarah topik-topik yang tidak difahami (item 3). Oleh kerana peranan pensyarah sangat penting dalam mod ini maka galakkan dan persediaan oleh pensyarah turut disoal (item 4 dan 5). Di samping itu, jumlah pelajar yang terlalu ramai (item 6) dan tempoh masa (item 7) yang diperuntukkan turut disoal.

Bahagian E adalah pernyataan-pernyataan yang berkaitan dengan penggunaan modul. Antara item-item yang disoal adalah kepadatan modul (item1), tahap pemahaman isi kandungan (item 2), soalan dan latihan (item 3), grafik yang menarik (item 4), tahap interaktiviti (item 5), kesukaran membawa ke mana-mana (item 6) dan ketiadaan tempat merujuk (item 7).

Dalam Bahagian F, faktor-faktor penghalang yang berkaitan dengan sidang video disoal. Sistem audio dan video (item 1), keselesaan bergerak (item 2) disoal. Responden juga ditanya samada sidang video dapat memberikan suasana seperti dalam bilik kuliah (item 3) dan peranan yang dimainkan oleh pensyarah (item 4). Dari segi masa pula responden diminta merakamkan tahap persetujuan dari segi ketepatan masa, samada sesi sering ditunda (item 5), tempoh masa yang tidak memadai (item 6) dan jumlah masa yang terbuang (item 7).

Bahagian G terdiri dari soalan-soalan yang berhubung dengan mel elektronik dan papan perbincangan Internet. Kedua-dua mod ini digabungkan kerana merupakan mod yang menggunakan kemudahan Internet. Disamping itu, faktor-faktor yang menghalang penggunaan mod-mod ini juga adalah sama. Soalan-soalan merangkumi kebebasan menyoal (item 1), kebolehan berfikir sebelum memberi jawapan (item 2) dan kebolehan mengumpul pelbagai maklumat (item 3). Dari segi peranan pensyarah pula, responden diminta memberi jawapan berhubung dengan kesenangan menghubungi pensyarah (item 4), kesediaan memberi nasihat (item 5) dan kecepatan memberi maklumbalas (item 6). Akhir sekali responden dikehendaki menyatakan samada mereka dapat menguasai penggunaan mod ini (item 7).

Untuk mengelakkan ketidakbolehpercayaan dan ketidaksahan, para responden tidak diminta memperkenalkan diri mereka dalam borang soal selidik.

Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar dijalankan, satu kajian rintis telah dijalankan dalam sampel kumpulan yang kecil untuk memastikan tiada keraguan dan amat mudah difahami oleh responden. Soal selidik disediakan oleh pengkaji sendiri kerana tiada instrumen lain yang sesuai untuk kajian ini. Item-item dibina berdasarkan kepada kajian lampau yang dilakukan oleh pengkaji.

Pengkaji telah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Naib Presiden institusi ini sebelum kajian dijalankan. Soal selidik ini telah ditadbirkan kepada 23 orang pelajar dari pusat wilayah Kuala Lumpur. Kebanyakan pelajar mengambil masa 25-30 minit untuk menyudahkan soal selidik ini. Soal selidik telah diisi dan dikembalikan pada

masa itu juga. Analisa kebolehpercayaan adalah 0.71. Oleh kerana nilai ini agak tinggi maka tiada perubahan dilakukan kecuali pembetulan pada beberapa arahan, cara pengelompokan ayat, memperbaiki struktur ayat dan menggunakan perkataan yang mudah supaya boleh difahami oleh responden.

Prosedur Kajian Sebenar

Sebelum kajian dijalankan pengkaji telah mendapat kebenaran daripada Dekan Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya dan Naib Presiden METEOR Distance Learning Sdn. Bhd.(MDLSB). Satu set soal selidik telah disediakan dan ditadbirkan kepada 105 orang pelajar jarak jauh iaitu 48 orang dari pusat wilayah Kuala Lumpur, 14 orang dari Pulau Pinang, 16 dari Ipoh, 9 dari Kuala Trengganu dan 18 dari pusat wilayah Kuching.

Soal selidik telah diedarkan oleh pengkaji sendiri di pusat wilayah Kuala Lumpur semasa sesi sidang video manakala pihak pengurusan MDLSB telah membantu mengedarkan soal selidik di pusat-pusat wilayah yang lain. Di Kuala Lumpur, pengkaji telah menerangkan tujuan kajian dan memberi penerangan jika responden menghadapi masalah apabila menjawab item-item dalam soal selidik. Pengkaji juga telah memberi penerangan yang cukup kepada pengawai-pegawai dari pihak pengurusan yang telah mengedarkan soal selidik supaya dapat memberi penerangan jika ada responden yang menghadapi kesulitan. Soal selidik di pusat wilayah Kuala Lumpur telah diedarkan semasa waktu rehat dan telah dikutip balik sebelum akhir sesi telesidang. Soal selidik dari pusat-pusat lain telah dikutip dari pihak pengurusan selepas dua minggu. Seramai 96 orang pelajar telah menjawab soal selidik maka kadar respons adalah tinggi.

Pengukuran

Bagi mengukur pengalaman menggunakan komputer, frekuensi, peratus dan min setiap skor item digunakan. Penilaian skor item adalah seperti berikut.

Skor Item	Tahap Kemahiran
$1 \leq \bar{X} < 2$	tidak mahir
$2 \leq \bar{X} < 3$	sedehana mahir
$\bar{X} = 3$	mahir

Kegemaran menggunakan mod pembelajaran pula diukur dengan mengira frekuensi, peratus dan min setiap skor item. Penilaian skor item adalah seperti berikut.

Skor Item	Tahap Kegemaran
$1 \leq \bar{X} < 2$	tidak gemar
$2 \leq \bar{X} < 3$	gumar
$\bar{X} = 3$	sangat gemar

Pengukuran terhadap faktor-faktor yang mendorong dan menghalang responden menggunakan mod pembelajaran dibuat dengan mengira frekuensi, peratus dan min setiap skor item. Penilaian skor item adalah seperti berikut.

Skor Item	Tahap Persetujuan
$1 \leq \bar{X} < 2$	sangat tidak setuju
$2 \leq \bar{X} < 3$	tidak setuju
$3 \leq \bar{X} < 4$	setuju
$\bar{X} = 4$	sangat setuju

Analisis Data

Berdasarkan maklumat yang diterima dari soal selidik, data-data yang dikumpul dan dianalisiskan dengan menggunakan perisian komputer *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 7.5 Windows. Berbantukan SPSS ini data telah diterjemahkan ke dalam bentuk kekerapan dan peratusan untuk dipersembahkan ke dalam bentuk jadual dan dihuraikan satu persatu.